




# PERTANYAAN LAZIM

---

Aras 5, Blok Menara  
Bangunan Menara Usahawan  
No.18 Persiaran Perdana, Presint 2  
62652 Putrajaya, Malaysia.





**UMUM**

**1. Bilakah Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan ditubuhkan?**

1 April 2011

**2. Apakah fungsi Suruhanjaya ini?**

Menurut seksyen 4(1) Akta 700 fungsi utama Suruhanjaya ini adalah:

- (a) menerima dan menyiasat aduan salah laku daripada orang ramai terhadap pegawai penguat kuasa atau terhadap sesuatu agensi penguatkuasaan;
- (b) mengadakan mekanisme bagi mengesan, menyiasat dan mencegah salah laku;
- (c) melindungi kepentingan orang ramai dengan mencegah dan menangani salah laku;
- (d) mengaudit dan memantau aspek tertentu operasi dan tatacara sesuatu agensi penguatkuasaan;
- (e) menggalakkan kesedaran, membuat penambahbaikan serta pendidikan berhubung integriti di dalam agensi penguatkuasaan;
- (f) membantu Kerajaan merumuskan perundangan, atau mengesyorkan langkah pentadbiran kepada Kerajaan atau agensi penguatkuasaan dalam menggalakkan integriti;
- (g) mengkaji apa-apa pelanggaran tatacara penguatkuasaan dan membuat syor berhubung dengannya; dan
- (h) membuat lawatan ke premis agensi penguatkuasaan termasuk balai polis dan lokap mengikut tatacara di bawah mana-mana undang-undang bertulis, dan membuat apa-apa syor yang perlu.

Di bawah seksyen 4(2) Akta 700 Suruhanjaya mempunyai kuasa untuk melakukan semua perkara yang bersesuaian dengan pelaksanaan fungsinya.

**3. Apakah salah laku yang boleh diadukan kepada Suruhanjaya ini?**

- (a) apa-apa TINDAKAN YANG DIAMBIL ATAU TIDAK DIAMBIL yang:
- (i) berlawanan dengan undang-undang bertulis;
  - (ii) berdasarkan kesilapan undang-undang atau fakta;
  - (iii) alasan patut diberikan tetapi tidak diberikan;
  - (iv) tidak munasabah, tidak adil, menindas atau berdiskriminasi;
  - (v) dilakukan atas motif yang tidak wajar, alasan atau pertimbangan yang tidak berkaitan.
- (b) gagal mengikuti kaedah dan tatacara yang ditetapkan oleh undang-undang atau oleh pihak berkuasa yang berkenaan; dan
- (c) apa-apa kesalahan jenayah yang dilakukan oleh penguat kuasa atau agensi penguatkuasaan.

**Contoh salah laku yang boleh diadukan:**

- Aduan pengadu tidak diambil dengan betul di mana pegawai yang menerima aduan pengadu gagal mencatatkan butiran yang diberikan oleh pengadu.
- Siasatan yang mengambil masa yang terlalu lama dan pengadu tidak dimaklumkan mengenai status siasatan walaupun berkali-kali menghubungi pegawai penyiasat.
- Pegawai penyiasat melengah-lengahkan siasatan.
- Pertuduhan dikenakan tanpa mengambil kira sepenuhnya fakta kes dan undang-undang terpakai.
- Pegawai penguat kuasa membuat arahan yang menguntungkan pihak-pihak tertentu.
- Kertas siasatan ditutup (*No Further Action*) terlalu cepat 1 – 3 hari.
- Agensi penguatkuasaan tidak ambil tindakan menangkap penjenayah walaupun jenayah yang berleluasa telah dilaporkan dan penjenayah dikenal pasti.

**4. Siapakah yang boleh membuat aduan salah laku kepada Suruhanjaya ini?**

Menurut seksyen 23(1) Akta 700, SESIAPA SAHAJA boleh membuat atau merujukkan aduan salah laku kepada Suruhanjaya ini.

**5. Bolehkah seseorang membuat aduan salah laku bagi pihak orang lain?**

Boleh, seseorang boleh membuat aduan walaupun beliau bukan mangsa tindakan salah laku yang ingin diadukan. Walau bagaimanapun, orang tersebut hendaklah mengemukakan butir-butir mangsa tersebut untuk tindakan lanjut Suruhanjaya ini.

**6. Apakah agensi penguatkuasaan yang tertakluk di bawah seliaan Suruhanjaya ini?**

- |  |   |
|--|---|
| 1) Agensi Antidadah Kebangsaan                         | 14) Jabatan Tenaga Kerja  |
| 2) Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia              | 15) Kementerian Kesihatan (Bahagian Penguatkuasaan)   |
| 3) Ikatan Relawan Rakyat Malaysia (RELA)               | 16) Kementerian Pelancongan Malaysia (Unit Penguatkuasaan Bahagian Pelesenan)                 |
| 4) Jabatan Alam Sekitar                                | 17) Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (Bahagian Penguatkuasaan) |
| 5) Jabatan Imigresen Malaysia                          | 18) Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Bahagian Penguatkuasaan)                     |
| 6) Jabatan Kastam Diraja Malaysia                      | 19) Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan   |
| 7) Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan         | 20) Pendaftar Perniagaan  |
| 8) Jabatan Pendaftaran Negara                          | 21) Polis Diraja Malaysia   |
| 9) Jabatan Penerbangan Awam                            |   |
| 10) Jabatan Pengangkutan Jalan                         |   |
| 11) Jabatan Perhubungan Perusahaan                     |   |
| 12) Jabatan Perikanan                                  |   |
| 13) Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara |   |

Walaupun Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan dan Pendaftar Perniagaan tersenarai dalam jadual Akta 700 namun kedua-duanya telah dibubarkan dan diserapkan fungsinya masing-masing ke dalam Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat dan Suruhanjaya Syarikat Malaysia.

**7. Adakah Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) tertakluk di bawah seliaan Suruhanjaya ini?**

Tidak, menurut seksyen 1(5) Akta 700, SPM yang ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694) tidak termasuk dalam bidang kuasa seliaan Suruhanjaya ini.

**8. Bolehkah seseorang membuat aduan berkenaan salah laku yang berlaku sebelum kuat kuasanya Akta 700 iaitu sebelum 1 April 2011?**

Tidak, ini kerana seksyen 1(3) Akta 700 memperuntukkan bahawa Suruhanjaya ini hanya boleh menyiasat salah laku yang berlaku pada atau selepas permulaan kuat kuasa Akta 700.

**9. Adakah identiti pengadu akan dirahsiakan?**

Tidak, hal ini kerana:

- (a) tiada peruntukan sedemikian dalam Akta 700;
- (b) Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010 [Akta 711] tidak terpakai ke atas pengadu yang membuat aduan kepada Suruhanjaya ini; dan
- (c) ianya adalah polisi Suruhanjaya ini agar segala urusan pengurusan aduan dilakukan secara telus.

Oleh itu, identiti pengadu akan didekadahkan hanya kepada agensi penguatkuasaan yang disiasat apabila keadaan memerlukan dan apabila difikirkan suai manfaat oleh Suruhanjaya ini untuk berbuat demikian.

**10. Adakah saksi yang akan / telah memberi keterangan di hadapan Suruhanjaya ini akan dilindungi?**

Saksi akan dilindungi di bawah seksyen 44 Akta 700 yang memperuntukkan bahawa adalah suatu kesalahan apabila seseorang mengugut atau mencederakan saksi yang akan / telah memberi keterangan kepada Suruhanjaya ini. Jika disabitkan, ia boleh dipenjarakan maksimum dua (2) tahun atau didenda tidak melebihi satu ratus ribu ringgit (RM100,000.00) atau kedua-duanya sekali.

**11. Adakah ia menjadi suatu kesalahan bagi mereka yang menghina Pesuruhjaya?**

Ya, seksyen 45(1) Akta 700 telah memperuntukkan bahawa menghina Pesuruhjaya adalah suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh dipenjarakan maksimum dua (2) tahun atau didenda tidak lebih satu ratus ribu ringgit (RM100,000.00) atau dua-duanya sekali.


**12. Apakah yang dimaksudkan dengan “perbuatan menghina” Pesuruhjaya?**


Menurut seksyen 45(2) Akta 700, suatu “perbuatan menghina” bermaksud apa-apa perbuatan tidak hormat atau apa-apa kejian atau ugutan terhadap seseorang Pesuruhjaya:

- (a) semasa dia bersidang dalam sesuatu pendengaran; dan
- (b) pada bila-bila masa dan mana-mana tempat lain kerana dia menjalankan sifatnya sebagai seorang Pesuruhjaya.

**13. Perbezaan antara Suruhanjaya ini dengan Biro Pengaduan Awam (BPA), Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dan Institut Integriti Malaysia (IIM).**

SURUHANJAYA	BPA	SPRM	IIM
Ditubuhkan pada 1 April 2011 di bawah Akta 700.	Ditubuhkan pada 23 Julai 1971 melalui keputusan kabinet.	Ditubuhkan pada Januari 2009, menggantikan agensi sebelumnya - Badan Pencegah Rasuah (BPR) mengikut akta yang baru digubal iaitu Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009.	Ditubuhkan pada 4 Mac 2004 sebagai sebuah badan autonomi yang didaftarkan di bawah Akta Syarikat 1965.
Menerima aduan SALAH LAKU di bawah ruang lingkup seksyen 24 (1) Akta 700 terhadap pegawai penguat kuasa / Agenzi Penguatkuasaan Persekutuan.	Menerima aduan yang lebih tertumpu kepada ketidakpuasan terhadap semua aspek pentadbiran Kerajaan.	Menerima dan menimbangkan apa-apa aduan khusus untuk menyiasat dan mencegah sebarang bentuk perlakuan RASUAH serta SALAH GUNA KUASA di bawah seksyen 7 Akta SPM 2009.	Menyelaras dan memantau pelaksanaan Pelan Integriti Nasional (PIN), melaksanakan program peningkatan etika dan integriti warga Malaysia.
Suruhanjaya dan anggota Pasukan Petugas mempunyai semua kuasa penyiasatan yang diperuntukkan dalam Kanun Prosedur Jenayah dan Akta 700.	Tiada kuasa penyiasatan yang diperuntukkan oleh perundangan.	Akta SPM 2009 memperuntukkan kuasa kepada SPM untuk menyiasat mana-mana kesalahan berbentuk perlakuan rasuah serta salah guna kuasa.	Tiada kuasa penyiasatan yang diperuntukkan oleh perundangan.





**ADUAN**

**1. Bagaimanakah cara-cara membuat aduan salah laku kepada Suruhanjaya ini?**

Menurut seksyen 23(2) Akta 700, semua aduan hendaklah dibuat SECARA BERTULIS dan dihantar kepada Suruhanjaya melalui salah satu cara di bawah:

- hadir sendiri ke pejabat Suruhanjaya
- surat
- atas talian (*online*)

**2. Apakah butiran yang perlu dikemukakan untuk membuat aduan salah laku di Suruhanjaya ini?**

Menurut seksyen 23 (2) Akta 700 butiran yang perlu dikemukakan oleh pengadu adalah seperti berikut:

(a) Butiran penuh pengadu:

- Nama
- Alamat surat-menyurat
- Nombor kad pengenalan
- Nombor telefon dan emel

(b) Butiran pegawai penguat kuasa:

- Nama penuh pegawai / agensi penguatkuasaan yang diadu
- Tindakan yang diambil atau tidak diambil olehnya

(c) Butiran salah laku yang diadukan termasuk tarikh dan tempat berlakunya salah laku;

(d) Butiran orang yang terjejas oleh tindakan yang diambil atau tidak diambil oleh pegawai penguat kuasa;

(e) Butiran saksi yang ada bersama semasa tindakan yang diambil atau tidak diambil; dan

(f) Apa-apa perincian lain termasuk gambar foto dan dokumen lain yang perlu disertakan bersama aduan.

**3. Adakah aduan salah laku boleh dibuat terhadap kelakuan semasa pegawai penguat kuasa itu tidak bertugas secara rasmi?**

Boleh, menurut seksyen 24(2)(b) Akta 700, salah laku pegawai penguat kuasa boleh disiasat oleh Suruhanjaya walaupun tindakan yang diambil atau tidak diambil itu berlaku semasa pegawai penguat kuasa itu tidak bertugas secara rasmi.

**4. Apakah yang akan dilakukan oleh Suruhanjaya ini selepas sesuatu aduan diterima daripada orang ramai?**

Selepas sesuatu aduan diterima, siasatan awal akan dijalankan oleh Jawatankuasa Aduan untuk menentu dan mengesahkan sama ada terdapat salah laku seperti yang diadukan. Pengadu juga akan dipanggil untuk dirakam percakapan di bawah seksyen 112 Kanun Tatacara Jenayah (KTJ).

**5. Adakah pihak Suruhanjaya akan melayan aduan berbentuk Surat Layang?**

Ya, Suruhanjaya akan menerima semua jenis aduan termasuk surat layang di bawah peruntukan seksyen 23(3) Akta 700. Sekiranya Suruhanjaya mendapati aduan tersebut berasas, ianya akan dirujuk kepada Pihak Berkuasa Tatatertib sesuatu agensi. Jika sekiranya Suruhanjaya mendapati aduan tersebut tidak berasas aduan ianya akan ditolak.

**6. Apakah tindakan yang diambil oleh Suruhanjaya terhadap aduan palsu?**

Sekiranya siasatan awal mendapati aduan yang diadukan adalah palsu, Suruhanjaya boleh mengambil tindakan ke atas pengadu tersebut dengan membuat laporan polis.

**7. Adakah keputusan Jawatankuasa Aduan ini muktamad?**

Tidak, semua syor Jawatankuasa Aduan perlu dikemukakan kepada Suruhanjaya untuk diputuskan. Jika Suruhanjaya tidak berpuas hati dengan syor Jawatankuasa Aduan, Suruhanjaya hendaklah mengarahkan siasatan lanjut dijalankan.

Laporan siasatan lanjut tersebut hendaklah dilaporkan kepada Suruhanjaya dalam tempoh empat belas (14) hari untuk keputusan muktamad.

## **8. Adakah Suruhanjaya ini akan menyiasat semua aduan yang diterima?**


Tidak, kerana semua aduan yang diterima akan dinilai dan ditapis oleh Jawatankuasa Aduan. Terdapat empat (4) cara sesuatu aduan dikendalikan di bawah Akta 700 iaitu:

- i. aduan disiasat sepenuhnya oleh Suruhanjaya ini jika sesuatu aduan tersebut menzahirkan salah laku seperti ditakrifkan dalam seksyen 24 Akta 700 dan terdapat asas bagi Suruhanjaya ini menyiasat aduan sedemikian;
- ii. aduan dirujuk kepada Pihak Berkuasa Tata tertib yang berkenaan untuk penyiasatan jika kesalahan tata tertib dizahirkan dan aduan itu lebih baik diuruskan oleh pihak yang berkenaan;
- iii. aduan dirujuk kepada SPRM untuk penyiasatan jika kesalahan di bawah Bahagian IV Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 dizahirkan;
- iv. aduan akan DITOLAK atas alasan:
  - ⌚ aduan tidak termasuk dalam ruang lingkup salah laku yang dinyatakan dalam sekyen 24;
  - ⌚ aduan bersifat remeh atau menyusahkan, dan tidak dibuat dengan suci hati;
  - ⌚ hal perkara aduan itu kecil;
  - ⌚ salah laku yang diadukan telah berlaku terlalu lama untuk mewajarkan penyiasatan dijalankan;
  - ⌚ terdapat cara tebus rugi alternatif dan memuaskan bagi pengadu; atau
  - ⌚ hal perkara aduan itu telah diputuskan secara muktamad oleh Mahkamah atau menjadi prosiding yang belum selesai di Mahkamah, termasuklah apa-apa prosiding rayuan.

**9. Apakah tindakan susulan selepas sesuatu aduan dirujukkan oleh Suruhanjaya ini kepada Pihak Berkuasa Tatatertib yang berkenaan atau SPRM?**

Menurut seksyen 27(3) Akta 700, Pihak Berkuasa Tatatertib yang berkenaan atau SPRM hendaklah menjalankan penyiasatannya sendiri dan menyampaikan dapatannya kepada Suruhanjaya ini dalam masa 30 hari daripada tarikh penerimaan aduan itu. Susulan daripada itu, Suruhanjaya ini akan memaklumkan kepada pengadu dapatan oleh Pihak Berkuasa Tatatertib yang berkenaan atau SPRM.





**SIASATAN**

**1. Apakah kuasa-kuasa penyiasatan yang ada sekiranya Suruhanjaya ini membuat keputusan untuk menyiasat sepenuhnya sesuatu aduan salah laku itu?**

Secara am:

Seksyen 17(4) Akta 700 - Pegawai Penyiasat Suruhanjaya ini mempunyai semua kuasa penyiasatan yang terkandung dalam Kanun Prosedur Jenayah.

Secara spesifik:

- Mendapatkan dokumen atau benda lain (seksyen 32 Akta 700),
- Mengadakan pendengaran (seksyen 34 Akta 700),
- Menggeledah dan menyita dengan waran (seksyen 40 Akta 700) dan
- Menggeledah dan menyita tanpa waran (seksyen 41 Akta 700).

**2. Bolehkah Suruhanjaya campur tangan dalam siasatan yang sedang dijalankan oleh pihak agensi penguatkuasaan?**

Tidak boleh. Suruhanjaya hanya mempunyai kuasa untuk menyiasat aduan berkenaan salah laku.

**3. Adakah Suruhanjaya ini mempunyai kuasa menghukum atau mendakwa pada akhir penyiasatan penuh?**

Tidak. Selepas selesai siasatan penuh, bergantung pada jenis salah laku, Suruhanjaya ini akan:

**(i) sekiranya salah laku itu merupakan suatu kesalahan tatatertib:**

membuat dapatan dan syor tentang hukuman yang patut dikenakan serta merujukkan perkara tersebut kepada Pihak Berkuasa Tatatertib untuk diambil tindakan. Pihak Berkuasa Tatatertib hendaklah memaklumkan Suruhanjaya ini mengenai tindakannya dan alasan mengenai keputusannya dalam tempoh 14 hari dari tarikh penerimaan dapatan dan syor itu – seksyen 30(1)(b) dan (2) Akta 700;

**(ii) sekiranya salah laku itu merupakan suatu kesalahan jenayah:**

membuat dapatan dan merujukkan perkara tersebut kepada Pendakwa Raya untuk diambil tindakan. Pendakwa Raya hendaklah memaklumkan Suruhanjaya ini mengenai keputusannya dalam tempoh 14 hari dari tarikh penerimaan dapatan, laporan dan kertas penyiasatan itu – seksyen 30(1)(c) dan (3) Akta 700; dan

**(iii) sekiranya salah laku yang diadukan itu tidak disahkan:**

merekodkan dapatannya dan memaklumkan pengadu - seksyen 30(1)(a).

**4. Adakah semua dapatan Suruhanjaya ini dan apa-apa tindakan yang diambil oleh Pihak Berkuasa Tatatertib atau Pendakwa Raya akan dimaklumkan kepada orang ramai?**

Menurut seksyen 30(5) Akta 700, Suruhanjaya ini hendaklah mengumumkan keputusannya kepada orang ramai dan memaklumkan pengadu mengenai keputusannya termasuklah apa-apa tindakan yang diambil oleh Pihak Berkuasa Tatatertib atau Pendakwa Raya.

**5. Adakah pegawai yang diadu akan dimaklumkan tentang keputusan siasatan Suruhanjaya?**

Ya, keputusan Suruhanjaya akan dimaklumkan kepada semua pihak termasuk pegawai yang diadu.

